

KEPIMPINAN DAN INTEGRITI: PERSPEKTIF PERKHIDMATAN AWAM

Mohd Khairul Ezam bin Mohd Rasali
Jabatan Perkhidmatan Awam
Email : ezam.rasali@jpa.gov.my

Abstrak: Tadbir urus yang baik dan cemerlang dalam sektor awam terbit daripada kepimpinan yang kukuh serta disertai dengan etos integriti terpuji. Pemimpin seumpama ini pada setiap lapisan struktur organisasi sektor awam perlu sentiasa bersikap professional, jujur dan amanah tanpa mengira keadaan. Kertas kerja ini memberi fokus kepada etos integriti pemimpin yang berupaya mempengaruhi dan memupuk integriti dikalangan ahli organisasi. Beberapa contoh yang diketengahkan adalah berdasarkan senario sebelum, semasa dan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dokumen rujukan utama adalah berdasarkan kepada Kerusi Bersawang: Himpunan Contoh Kes-Kes Tatatertib Tidak Hadir Bertugas (JPA, 2011) dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (P.U. (A)395/1993).

Kata kunci : integriti, sektor awam, tadbir urus